

21 JUN 2003

Umno-Gulung (Muhammad)

SOKONGAN PADU MUDAHKAN ABDULLAH PIMPIN PARTI DAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Sokongan dan keyakinan penuh terhadap kepimpinan bakal Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memudahkannya meneruskan kesinambungan kecemerlangan parti untuk berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Taib berkata sokongan dan keyakinan kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan berpindah kepada bakal penggantinya itu akan membolehkan Abdullah meneruskan perjuangan Umno dengan lebih berkesan.

"Saya berjanji seperti yang disebutkan oleh sahabat saya Tan Sri Muhyiddin Yassin (Naib Presiden Umno), akan terus menyokong Umno, taat kepada Umno di bawah kepimpinan Pak Lah yang akan mengambil alih kepimpinan parti.

"Saya juga berjanji akan menyokong kepimpinan Pak Lah dalam segala keputusan sama ada dalam parti atau kerajaan," katanya dalam ucapan penggulungan perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Beliau percaya di bawah kepimpinan Abdullah, Malaysia akan terus meluru menjadi sebuah negara maju.

Muhammad menggesa generasi pewaris Umno yang meneruskan kecemerlangan perjuangan pemimpin-pemimpin terdahulu supaya mendalami ciri-ciri dan nilai yang menjadi aset kepada parti dan mempraktikkannya dengan jujur dan komited.

"Marilah kita perkuatkan parti yang kita sayangi ini. Parti yang kuat akan melahirkan negara yang kukuh dan stabil, berupaya mengangkat martabat bangsa dan negara," katanya.

Beliau berkata Umno telah berjaya menyatukan orang Melayu dan mesti terus bersatu padu demi kepentingan bangsa dan negara.

-- BERNAMA

MUN KHY RON